



**AMIR (duduk tengah) menerima kunjungan hormat dari Murnizam (duduk kanan) dan Monica (duduk kiri). Turut kelihatan Geoffrey (berdiri kanan).**

## UMSKAL bincang kerjasama penyelidikan bersama Perbadanan Labuan

UB 15.12.2012 A2

Oleh YAP SIONG HAN

**LABUAN:** Pengarah Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL), Prof. Dr. Murnizam Halik mengadakan kunjungan hormat kepada Pengerusi Perbadanan Labuan Dato Sri Hj Amir Hj Hussein di pejabatnya, Tingkat 10, Bangunan Menara Perbadanan Labuan, baru-baru ini.

Turut serta dalam kunjungan hormat itu ialah Timbalannya Prof Madya Dr. Geoffrey Harvey Tanakinjal dan Pengarah Institut Biologi

Tropika dan Pemuliharaan UMS Prof. Madya Dr. Monica Suleiman.

Kunjungan satu jam setengah itu bertujuan untuk membincangkan hubungan kerjasama antara UMS dan Perbadanan Labuan melalui penyelidikan dalam pelbagai bidang terutamanya berkaitan pelancongan di Labuan.

Dalam pada itu, Amir menjelaskan pelancongan Labuan perlu mempunyai identiti tersendiri dan berpotensi untuk dimajukan dengan mempelbagaikan produk pelancongan.

Katanya, Labuan sering dianggap sama seperti Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya,

sedangkan pulau ini masih banyak aktiviti berkaitan pelancongan yang boleh diterokai.

“Perbadanan Labuan bersedia membantu serta mengalu-alukan kerjasama dengan UMS dalam mengadakan program yang dapat menyumbang kepada komuniti di sini,” katanya dalam kenyataan di sini pada Jumaat.

Sementara itu Murnizam berkata, UMS bercadang untuk menjalankan kajian selidik awal yang berkaitan untuk melihat peluang serta potensi Labuan sebagai sebuah pulau pelancongan dan seterusnya dapat menarik lebih ramai pengunjung untuk datang ke

pulau berkenaan.

Menurutnya, UMS turut mencadangkan agar diwujudkan sebuah ‘Research Station’ di Labuan bagi memudahkan lebih ramai penyelidik dan pelajar untuk membuat kajian berkaitan pulau itu.

Selain itu katanya, UMSKAL sedia bekerjasama dengan Perbadanan Labuan, agensi kerajaan dan swasta untuk membangunkan Labuan.

Penganjuran pelbagai program di UMSKAL juga diharap dapat membantu menjana ekonomi dan merancakkan industri pelancongan sekali gus menaikkan nama Labuan.